



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PAMERAN BOLA MERDEKA: SATU INSPIRASI TONJOL SUKAN BOLA SEPAK SEBAGAI SIMBOL SATUKAN RAKYAT MALAYSIA PELBAGAI KAUM, AGAMA DAN BUDAYA

PUTRAJAYA, 2 September – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia sedang menganjurkan **Pameran Pesta Bola Merdeka bermula 31 Ogos – 31 Disember 2026 di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.**

Pameran ini diadakan bagi mengangkat bola sepak sebagai sebahagian daripada perjalanan sejarah negara yang **membentuk semangat kebangsaan, perpaduan dan identiti Malaysia.** Melalui pameran ini, **sejarah dan perkembangan bola sepak dipamerkan sejak sebelum kemerdekaan, peranannya ketika era perjuangan kemerdekaan sehingga kini menjadi sukan yang paling dekat di hati rakyat Malaysia.**

Melalui pameran ini, masyarakat berpeluang mengimbau detik-detik bersejarah yang mencorakkan perjalanan bola sepak negara serta menghargai sumbangan tokoh-tokoh penting dalam membangunkan bola sepak negara seiring dengan perjuangan mencapai kemerdekaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Bola sepak bukan sekadar permainan, tetapi menjadi medium yang menyatukan rakyat Malaysia. Sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi, bola sepak telah menjadi sebahagian daripada denyut nadi masyarakat, merentasi kaum, agama dan latar belakang. Semangat kesukanan yang dibina melalui bola sepak turut mencerminkan semangat perjuangan dan kecintaan terhadap tanah air yang menjadi asas kepada pembentukan sebuah negara yang merdeka.

Pameran ini dibuka secara percuma kepada orang awam bermula jam 9.00 pagi – 5.00 petang. Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung dan menerokai pelbagai bahan pameran yang mengetengahkan sejarah, perkembangan serta peranan bola sepak dalam perjalanan pembinaan negara bangsa.

Kementerian Perpaduan Negara

2 September 2026

KPN.100-9/1/16 (73)

